


Headline	Agreenium pusat sehenti bidang pertanian di Perancis		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	326 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,362
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,086



▶▶ INRA terkenal sebagai institusi penyelidikan pertanian di Eropah yang kini bernaung di bawah Agreenium.



(Yang mengikuti kunjungan ke Paris, tajaan Kedutaan Perancis)

WALAU PUN lebih terkenal kerana teknologi tinggi seperti kereta api laju TGV, Perancis sebenarnya juga maju dalam bidang pertanian seperti sains pertanian atau kejuruteraan pertanian.

Sebagai contoh Centre de CoopÉration Internationale en Recherche Agronomique pour le DÉveloppement (CIRAD) adalah institusi penyelidikan terkehadapan dalam pertanian tropika.

Selain itu, Institut National de la Recherche Agronomique (INRA) pula, mempunyai sejarah panjang dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian di Eropah.

CIRAD dan INRA kini bergabung dengan empat institusi pendidikan tinggi dalam bidang pertanian beroperasi di bawah naungan agensi

tunggal, Agreenium.

Pengarah Agreenium, Prof Stephane Guilbert, berkata gabungan dua institusi penyelidikan dan empat institut pendidikan tinggi berkenaan memberi peluang 5,150 penyelidik dan jurutera serta 600 pensyarah

memperkasakan aktiviti R&D mereka.

Katanya, Agreenium menjadi pusat sehenti kepada pengajaran dan penyelidikan dalam veterinar, sains makanan, akuakultur, perhutanan dan dasar makanan serta alam sekitar.

Beliau berkata, kini ada lebih 4,700 pelajar mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana di empat institut pendidikan tinggi Agreenium, manakala lebih 2,200 lagi

pelajar doktor falsafah (PhD) dengan satu pertiga adalah siswa antarabangsa.

"Agreenium menawarkan kira-kira 200 program sarjana dan 15 PhD," katanya ketika ditemui di sini, Paris, baru-baru ini.

Selain CIRAD dan INRA, empat institut pendidikan tinggi di bawah Agreenium ialah AgroParisTech, Agrocampus Quest, Montpellier SupAgro dan Intitut National Polytechnique of Toulouse.

Sementara itu, Pengarah Hubungan Antarabangsa Agreenium, Christian Hoste, berkata pelajar atau kakitangan agensi penyelidikan di Malaysia boleh menyambung pengajian peringkat sarjana muda, sarjana atau PhD di mana-mana satu daripada empat institut pendidikan tinggi di bawah Agreenium.

Katanya, pelajar berkenaan berpeluang menggunakan kemudahan R&D di CIRAD atau INRA kerana semua institusi di bawah Agreenium berkongsi kemudahan fizikal dan sumber manusia.

Beliau berkata, program PhD dijalankan dalam bahasa Inggeris, manakala program sarjana dan sarjana muda memerlukan penguasaan bahasa Perancis dan kelayakan akademik yang ditetapkan.

"Di Malaysia sudah ada penyelidikan CIRAD yang ditempatkan di Felra untuk bidang tanaman kelapa sawit dan pegawai berkenaan juga bertugas di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam bidang perhutanan.

"CIRAD turut menjalankan penyelidikan di Universiti Putra Malaysia untuk bidang sains dan dasar makanan," katanya.

Headline	Agreenium pusat sehati bidang pertanian di Perancis		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	326 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,362
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,086

